

MUTAKHIR

## UPM tutup jika berlaku penularan kedua H1N1

KUALA LUMPUR: Tindakan drastik menutup sementara kampus Universiti Putra Malaysia (UPM) di Serdang mungkin hanya dilakukan sekiranya penularan wabak influenza A(H1N1) berlaku lagi di kampus itu, kata Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah, hari ini.

"Apapun, kita akan patuhi nasihat yang diberikan Kementerian Kesihatan jika kementerian mahu kita beri cuti atau tutup kampus kepada pelajar dan kakitangan dalam usaha mengekang virus itu daripada menular, kita akan laksanakan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar Antarabangsa Anatomi Kayu di sini, hari ini.

Minggu lalu, UPM terpaksa mempercepatkan cuti pertengahan semester yang sepatutnya 17 hingga 23 Ogos kepada 29 Julai hingga esok apabila empat pelajarnya disahkan positif H1N1.

Ulangi

EVERYDAY LOW FARES

maysia

Minggu yang menarik untuk melayari [malaaysiaairlines.com](http://malaaysiaairlines.com)

Klik di sini untuk lebih banyak tambang

Tempoh Jualan : 03 - 07 Ogos 2009

Tertakluk kepada Terma & Syarat

A small image of two people, one in traditional attire, is visible on the right side of the ad.

Dr Nik Mustapha berkata, UPM sudah bersedia memberi suntikan anti-virus sebagai langkah pengawalan kepada pelajar dan kakitangan universiti itu suntikan itu boleh didapati di pusat kesihatan universiti dan ia diberikan secara percuma.

"Jika berlaku lagi 'serangan kedua' kita akan bagi topeng muka dan juga sanitizer kepada setiap pelajar dan sebelum cuti baru ini pun kita sudah mengagihkan kepada pelajar," katanya.

Mengenai kemungkinan cuti berpanjangan akan mengganggu proses peperiksaan semester, beliau berkata ia boleh disusun semula kerana seramai 10,000 orang pelajar yang dijadualkan diuruskan universiti sendiri.



Lecture  
Series

## *"Sharing the Environment: Global Problems, Local Solutions"*

Mengenai seminar anatomi kayu itu, beliau berkata ia tepat pada masanya kerana kepakaran dalam anatomi kayu amat penting bagi menentukan hal sesebatang pokok serta kekuatan tekstur sebelum ianya ditebang.

Katanya, melalui kepakaran pakar anatomi kayu, ratusan jenis kayu yang belum dikomersilkan, boleh diperkenalkan kepada industri dan juga dapat menyelamatkan hutan daripada ditebang untuk tujuan pembalakan.

"Sejak 30 tahun lalu, kayu getah telah menggantikan kayu balak untuk pembuatan perabot dan pelbagai peralatan lain berteraskan kayu," katan Bernama

[Cetak artikel](#) | [Hantar pada](#) +

### Iklan Teks

- [Dapatkan Everyday Low Fares MAS](#)
- <><><>[Bisnes Online Terhebat Dari Rumah](#)<><><>
- [Pay Per Click Bisnes DiMalaysia](#)
- [Klik dapat duit RMXXX lumayan!](#)
- [\\$\\$\\$\\$\\$LIMPAHAN WANG PETRONAS SELURUH NEGARA\\$\\$\\$\\$\\$](#)
- [>>>PROMOSI<<< 150 PRODUK SUAMI ISTERI](#)
- [Jutawan Segera Dihujung Jari Anda](#)
- [\\$\\$\\$ ISI MINYAK PETRONAS DAPAT RM \\$\\$\\$](#)
- [Anda Isi MINYAK Kereta?](#)
- [BONGKAR RAHSIA AWET MUDA REMAJA](#)
- [Duit RAYA RMXXX BERBALOI BALOI!](#)
- [TIRU MACAM SAYA!! \\*\\*\\*](#)
- [JUTAWAN KLIK PULANGAN HEBAT LUMAYAN](#)
- [SEDANG HANGAT DIPERKATAKAN SEKARANG!!](#)
- [\\*\\*\\* WAJIB Setiap Orang Kena Ada \\*\\*\\*](#)
- [Pendapatan Lumayan Hanya Dari Rumah](#)
- [Klik Sini...Tambah Pendapatan Harian](#)
- [SETIAP KLIK ADALAH DUIT](#)